

CNS0982

R GB 08-06 00178 BB495

bah

SAMYVELLU AKAN JELASKAN KEPADA KABINET MENGENAI JUALAN SAHAM

Mahathir - Saham

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu akan memberi penjelasan kepada kabinet berhubung penjualan saham Telekom Malaysia Berhad yang diperuntukkan kepada Maika Holdings Berhad, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata pada persidangan akhbar selepas Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, di ibu pejabat Umno disini, penjelasan itu akan dibuat pada mesyuarat kabinet selepas beliau (Dr Mahathir.) pulang daripada Sidang Kemuncak Bumi, di Rio de Janeiro, Brazil.

Ditanya mengenai kenyataan Samy Vellu di akhbar hari ini bahawa beliau telah menjelaskan kepada Perdana Menteri mengenai penjualan sembilan juta saham Telekom yang diperuntukkan kepada Maika dan menurutnya Perdana Menteri berpuas hati dengan penjelasan itu, Dr Mahathir berkata;

+Saya nak kena tahu daripada dia dahulu. Ini laporan dalam akhbar," saya payah nak komen.+ ^

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata beliau tidak tahu mengenai kenyataan dalam akhbar itu dan sama ada laporan berkenaan tepat atau tidak.

-- Lagi

▼08/06/15-29MST

CNS0986

R GB 08-06 00133 BB496

bah

Mahathir - Saham 2 Kuala Lumpur

+Saya tidak tahu, jadi saya nak kena tanyalah dia dulu apa yang dia cakap, + katanya.

Samy Vellu yang juga Menteri Tenaga, Telekom dan Pos pada Mei lepas berkata, hasil jualan sembilan juta saham itu digunakan untuk penubuhan sebuah maktab anjuran MIC iaitu Maktab Teknik dan Pendidikan Lanjutan (TAFE), di Seremban.

DAP mendakwa Samy Vellu memindahkan sembilan juta daripada 10 juta saham Telekom yang diperuntukkan oleh Perbendaharaan kepada Maika Holdings.

Semasa menjawab pertanyaan sama ada Samy Vellu telah menemui beliau untuk memberi penjelasan itu, Dr Mahathir berkata Presiden MIC itu telah banyak kali menemui beliau . .

Katanya, beliau tidak tahu yang mana satu yang dimaksudkan itu dan beliau juga telah berjumpa dengan banyak orang. -- Lagi

▼08/06/15-40MST

CNS0991

R GB 08-06 00085 BB497

bah

Mahathir - Saham 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Menyentuh mengenai laporan akhbar baru-baru ini yang menyebut Pemuda PAS merancang untuk memacakkan bendera Malaysia di Pulau Batu Putih, Dr Mahathir berkata ia merupakan satu tindakan untuk mencari publisiti poli tik.

Pulau itu yang terletak 15 km dari pantai timur Johor dan 55 km dari Singapura, dituntut oleh Malaysia dan Singapura.

Katanya, perkara itu akan diselesaikan mengikut rundingan biasa berasaskan prinsip perhubungan antara negara dan undang-undang. -- Bernama

▼08/06/15-50MST